



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 11 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEDIA DANA RM210J PROGRAM PEMODENAN VESSEL, INDUSTRI TANI, BISNES, HARIAN METRO -23	AGROBANK
2.	KERAJAAN SABAH TINGKAT PENGELUARAN PADI TAMBUNAN TAHUN DEPAN – JEFFERY, ONLINE, BERNAMA	LAIN-LAIN
3.	USAHAWAN TANI MUDA TANAM CILI FERTIGASI, DALAM NEGERI, UM -33	
4.	PENIAGA MENGELUH BEKALAN DAGING LEMBU MAKIN KURANG, NEGARA, KOSMO -16	
5.	LINDUNGI RANTAIAN MAKANAN JAMIN KELANGSUNGAN BEKALAN, MINDA PEMBACA, BERITA HARIAN -13	
6.	RACUN SINTETIK JADI EJEN PENCEMARAN ALAM SEKITAR, K2, KOSMO -30	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2020	HARIAN METRO	BISNES	23

Sedia dana RM210j program pemodenan vessel, industri tani

Kuala Lumpur: Pembiayaan yang disediakan di bawah Program Pemodenan Vessel dan Mekanisasi Tangkapan serta Program Modenisasi Rantai Nilai Agromakanan Agrobank akan menggalakkan pelabu-

ran penggunaan teknologi moden dalam industri pertanian dan pengeluaran makanan di Malaysia.

Penanggung Tugas Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, jumlah peruntukan sebanyak RM210 juta untuk kedua-dua program itu akan turut membantu industri memenuhi permintaan jaminan makanan dalam jangka masa panjang.

“Agrobank akan terus bekerjasama dengan kementerian dan agensi yang berkaitan untuk mencapai lebih ramai pelanggan serta memastikan program dan insentif yang diumumkan di bawah Belanjawan 2021 dapat dilaksanakan dengan cepat untuk memberi faedah yang maksimum kepada rakyat terutama golongan berpendapatan ren-

dah dan sederhana,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, program pemodenan vessel yang menawarkan pembiayaan sehingga RM5 juta kepada nelayan untuk menaik taraf peralatan, jaring dan kapal manakala program lain yang menawarkan pembiayaan sehingga RM1 juta kepada pengusaha pertanian untuk mendapatkan peralatan dan teknologi berdasarkan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

Kedua-dua program itu pada kadar 3.5 peratus untuk tempoh 10 tahun.

Mengulas lanjut mengenai Belanjawan 2021, katanya ia adalah menyeluruh dan inklusif, mengambil kira pelbagai kumpulan ekonomi masyarakat tani termasuk petani, nelayan dan pekebun kecil, wanita dan usahawan tani B40 serta pengeksport makanan dan hasil.



KHADIJAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2020	BERNAMA	ONLINE	

KERAJAAN SABAH TINGKAT PENGELUARAN PADI TAMBUNAN TAHUN DEPAN - JEFFERY



KOTA KINABALU, 10 Nov - Kerajaan Negeri Sabah berhasrat meningkatkan pengeluaran padi di Tambunan melalui promosi penanaman berganda, peningkatan sistem pengairan dan pengenalan varieti padi baharu tahun depan, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Jeffrey yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah berkata pada masa ini sebahagian besar pertanian padi sawah di Tambunan masih berorientasikan pertanian subsisten dengan hasil tahunan hanya sekitar 3.6 tan sehektar.

Beliau berkata petani di daerah itu komited untuk meningkatkan hasil padi mereka, namun mereka perlu belajar dan menerima varieti baharu padi yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi.

"Jumlah petani padi sawah yang sudah mengamalkan penanam dua kali setahun tidak mencukupi kerana masalah sistem pengairan yang kurang memuaskan membuatkan tanaman berganda sukar dilakukan.

"Kerajaan telah merancang beberapa projek untuk mengatasi masalah ini dan saya percaya tidak lama lagi industri pertanian Tambunan dapat dibawa ke peringkat yang lebih tinggi," katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

Jeffrey yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Tambunan berkata daerah itu juga akan melihat pembangunan padang ragut yang lebih besar.

"Sebilangan besar kawasan padang ragut di Tambunan telah terbiar selama bertahun-tahun dan lebih kurang 25,000 hektar belum diwartakan sebagai kawasan padang ragut," katanya.

Beliau berkata Tambunan memiliki potensi yang besar tetapi semua pihak termasuk penduduk harus merealisasikan potensi tersebut untuk membangunkan Tambunan dan seterusnya meningkatkan pendapatan penduduk.

"Tambunan memiliki potensi besar tidak hanya dalam industri pertanian tetapi juga industri pelancongan tempatan. Kami akan meneliti perkara ini dan bekerjasama dengan semua jabatan untuk merealisasikan potensi ini," katanya.

Usahawan tani muda tanam cili fertigasi

PONTIAN: “Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian.” Demikian peribahasa boleh digambarkan terhadap semangat seorang usahawan tani muda, Abd. Hafiz Milok yang mengambil peluang teknologi fertigasi untuk menanam pokok cili Centil.

Menurut Abd. Hafiz, 30, dia mengusahakan tanaman tersebut di sebidang tanah di Kampung Lubuk Sipat, Benut dengan menanam 800 pokok Cili Centil dan kos sebanyak RM20,000 digunakan bagi menyediakan peralatan fertigasi dan tapak penanaman.

Menurut beliau, setakat ini terdapat lima tuaian telah dilakukannya dengan jumlah cili 50 kilogram (kg) pada setiap minggu untuk jualan di pasar raya dan pasar pagi sekitar kawasan Benut.

“Harga bagi sekilo cili Centil ketika ini adalah RM15 sekilogram dan bermakna setiap kali

tuaian kami mendapat anggaran RM750 setiap minggu.

“Alhamdulillah sejak Julai lalu, hasil usaha membuahkan hasil apabila kami telah mendapat pulangan RM7,000 pada setiap bulan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Tambah Abd. Hafiz lagi, pemilihan tanaman cili Centil kerana ia merupakan tanaman yang mudah walaupun pada permulaan kos pembelian peralatan agak mahal bagi memenuhi konsep tanaman fertigasi.

“Untuk tanaman 800 pokok ini, kami menjangkakan dapat memetik cili centil bagi tempoh empat bulan lagi sebelum tanaman tidak lagi mengeluarkan buahnya,” ujarnya.

Menurut beliau, pihaknya bercadang untuk menambah lagi tanaman Cili Centil kepada 2,000 pokok dengan perbelanjaan menelan kos RM30,000 diperlukan untuk membeli pelbagai peralatan.



ABD. Hafiz Milok sedang melihat kesuburan tanaman cili centil yang diusahakan di Kampung Lubuk Sipat, Benut, di Pontian, baru-baru ini. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

11/11/2020

KOSMO

NEGARA

16

Peniaga menggeluh bekalan daging lembu makin kurang

Chen NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN - Pembekal daging lembu hidup semakin bimbang dengan masalah yang dihadapi untuk membawa masuk haiwan ternakan itu dari negara luar susulan gelombang ketiga pandemik Covid-19.

Ini menyebabkan mereka terpaksa 'pusing' bampir ke seluruh Semenanjung untuk mendapatkan stok lembu tempatan yang dikatakan semakin berkurangan sehingga 75 peratus kini.

Seorang pembekal dan penernak lembu yang mahu dikenali sebagai Wan, 38, berkata, ektoran masalah tersebut, dia terpaksa menanggung kenaikan harga bagi seekor lembu hidup sehingga RM12.90 sekilogram (kg) berbanding awal tahun ini RM11 selang itu dengan anggaran harga RM5,000 seekor.

"Urusan membawa bekalan lembu hidup ke Malaysia kini tergendala termasuk stok makanan atau deda yang diproses daripada buah kelapa sawit dari Kuala Lumpur dan Perak.

"Saya kini banyak bergantung kepada sumber lembu hidup dari Johor dan Perak berbanding sebelum ini yang dibawa dari Thailand dan Australia.

"Kadar harga bagi seekor haiwan ternakan itu pula bergantung pada nilai mata wang

semasa negara," katanya ketika ditemui Kosmo di sini semalam.

Wan memberitahu, sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu, bekalan lembu hidup dari Australia dibawa masuk menggunakan perkhidmatan kapal kargo manakala lembu dari Thailand di bawa menggunakan lori.

"Saya perlu memastikan stok bekalan lembu ini sentiasa ada untuk memenuhi permintaan pasaran setiap hari.

"Ya melibatkan pembekalan stok kepada lebih 50 peratus peniaga daging di Pulau Pinang dengan harga jualan daging lembu yang siap disembelih adalah RM27 sekilogram.

"Harga daging tidak menentu, tetapi saya belum menaikkan lagi harga daging sejak dua tahun lalu dan mengekalkan harga yang sama iaitu RM26.50 sekilogram. Saya tanggung semua kos kenaikan daripada peringkat pembekalan pertama.

"Naiyun Oktober lalu, saya terpaksa naikkan harga sebanyak 50 sen susulan kos yang ditanggung dan peniaga juga memaharai apa yang berlaku kini," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Wan menjelaskan, sebanyak 40 tan kulit lembu yang ada ketika ini masih tidak dapat dieksport ke Thailand dan Indonesia susulan tempoh Perintah Kawalan



Senarai Harga Barang Keperluan

Barang	Harga (kg)
• Ayam	RM5.95
• Daging Lembu Tempatan	RM35
• Daging Lembu Import	RM28
• Telur Cred A (30 biji)	RM8
• Ikan Kembung	RM7.99
• Minyak Masak	RM5.25
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.90
• Bawang Putih	RM4.99
• Cili Merah	RM5.90
• Kubis Tempatan	RM2.99
• Tepung Gandum	RM2.15

Sumber: KPONHEP

perjual daging lembu yang mahu dikenali sebagai Rahmat, 56 berkata, biarpun berlaku kenaikan harga 50 sen di peringkat pembekal, namun dia tetap menjualnya pada harga sama iaitu RM36 bagi sekg isi daging lembu tempatan.

"Di peringkat peniaga memang ada runtuhan tentang kenaikan 50 sen termasuk kekurangan pengeluaran akibat PKPB.

"Tetapi kami terpaksa menerima habikat tersebut bagi tujuan meneruskan operasi perniagaan dan meneruskan kelangsungan hidup," ujar beliau.



SEORANG penernak melihat lembu yang semakin berkurangan di Georgetown semalam.

kandang," jelasnya.

Dia yang berpengalaman dalam bidang ternakan dan pembekalan haiwan ternakan selama 20 tahun memberitahu, kemungkinan akan berlaku lagi kenaikan harga daging lembu sehingga RM1 dalam tempoh terdekat. Sementara itu, seorang lagi

Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Kulit lembu diproses untuk menjadi bahan makanan dan barangan kulit. Permintaan terhadap dua barangan tersebut adalah sangat tinggi namun kerana penguatkuasaan penutupan sempadan, bekalan tersebut terpaksa dibintarkan begitu sahaja di

Lindungi rantaian makanan jamin kelangsungan bekalan

Makanan ialah keperluan asasi setiap kejadian. Akses makanan mencukupi, dari sudut kuantiti dan kualiti, membolehkan individu menjalankan fungsi dalam kehidupannya secara optimum. Kegagalan memenuhi keperluan ini, boleh memberi kesan negatif terhadap individu, masyarakat dan negara.

Sekitar 2018, saya menjalankan kajian mengenai sekuriti makanan di Kedah dan Perlis. Saya cuba memahami apa yang dilakukan sekiranya berlaku sesuatu menyebabkan bekalan makanan putus, terutama bagi keluarga berpendapatan rendah.

La harya kajian kecil yang saya nemu buai beberapa pekerja rencam, pelajar sekolah, pekerja pembersihan, peniaga kedai runcit, suri rumah dan pegawai keselamatan. Setiap mereka mempunyai cerita mengenai makanan.

Ada yang pernah kurangkan makan apabila ketua keluarga hilang punca penunak membekalkan mereka dengan telur dan menamanan jegung untuk dijual.

Ada memilih untuk membuat pembelian barang dapur pada hari tertentu sahaja apabila ada tawaran diskaun. Ada yang makan mi segera.

Bagi pelajar keluarga berpendapatan rendah, makanan asrama lazat dan cukup lengkap, diberikan mengikut jadual tetap. Enam kali sehari itu adalah nikmat tidak dapat dirasai di rumah.

Di utara, kami menggunakan terma 'perkin' yang bermaksud sedaya-upaya mencuba untuk berjimat. Di tali air, sekiranya keadaan cuaca mengizinkan, ramai mengail ikan.

Sebahagian penduduk luar bandar, meskipun berpendapatan rendah, men-

punyai sumber seperti tanah untuk diusahakan, juga ulam berdekatan. Ini mekayasa daya tindak (coping mechanism) mereka untuk menghadapi kekurangan untuk mendapatkan makanan dipertukan.

Mekanismes daya tindak ini bergantung kepada sumber tersedia kepada isi rumah. Sekiranya ketidakjaminan makanan semakin genting tanpa sumber alternatif untuk memperoleh akses makanan, mereka akan beralih kepada pilihan lain seperti mengurangkan kekeperluan makan, saiz hidangan dan mengutamakan makanan lebih murah.

2018 ialah zaman sebelum pandemik COVID-19 melanda. Tahun getir dan menjadi saksi pertukaran kerajaan. Tahun saun, laporan Kanak-Kanak Pingiran dikeluarkan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) mengenai kanak-kanak di Projek Perumahan Rakyat mengalami kekurangan zat dan terbanrut.

Satu keadaan sungguh ironi bagi negara yang sudah berusia lebih 60 tahun. Saya belum berpeluang melakukan kajian berkenaan mekanismes daya tindak di kawasan bandar, tetapi realiti mereka sudah cukup menekan.

Di bandar tiada tali air untuk mengail dan tiada tanah untuk membela ayam atau menapanan sayur. Sekiranya mereka mempunyai dua pekerjaan, bilakah masa sesuai untuk bercucuk tanaman? Dan tidakkah sepatutnya mata pencaharian pekerjaan mereka itu membolehkan mereka mendapatkan makanan mencukupi?

Tahun ini, ramai terpaksa berkurung di rumah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Adalah satu kekebi-

han sekiranya kita dapat bekerja dari rumah (BDR) tanpa memikirkan persoalan kelangsungan mata pencarian.

Ramai juga menjadi pekerja ekonomi gig sebagai penghantar barang dan pesanan. Laporan *Families on the Edge* pada Jun lalu menunjukkan golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar menerima kesan langsung PKP, sekali gus ketidakjaminan makanan semakin meruncing.

Kajian ini mendapati ada informan kajian terpaksa menggantikan hidangan makanan utama dengan mi segera. Tidak dinafikan, kesan ekonomi daripada pandemik ini adalah tidak mengira sesiapa, sama ada rakyat berpendapatan sederhana, peniaga atau sesiapa saja menghadapi boleh risiko seperti kehilangan pekerjaan ketika PKP.

Malah, mereka juga berdepan risiko sekiranya kesihatan mental terjejas. Sekiranya isi rumah mempunyai ak-

ses terhadap sumber tanah misalnya, mekanismes tindak balas boleh menjadi pilihan yang dapat membina ketahanan berdepan ketidakjaminan makanan.

Namun, ini bukanlah sumber tersedia bagi sebahagian isi rumah di negara ini. Di sini pentingnya inisiatif seperti kebun komuniti di kawasan PPR.

Inisiatif individu untuk bercucuk tanaman di kawasan tanah terbiar atau *gerrilla gardening* perlu diberikan kelengkapan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Begitu juga inisiatif pertubuhan masyarakat madani seperti Dapur Jalanan yang memberi tumpuan kepada golongan Baurman Kewangan seperti Pakaj Raangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan zakat juga berperanan untuk merancarkan ekonomi peringkat bawah.

Ku Nurasyiqin Ku Anir,
Pusat Pengajian Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia (UUM)





RACUN sintetik yang digunakan dalam aktiviti pertanian sukar terurai secara semula jadi dan boleh mencemarkan alam sekitar. — GAMBAR HIASAN

Racun sintetik jadi ejen pencemaran alam sekitar

TANAMAN yang tidak menggunakan racun sintetik tidak akan membahayakan kesihatan manusia yang memakannya. — GAMBAR HIASAN

Oleh FARID AHMAD TARMIL

MUTAKHIR ini, aktiviti pertanian untuk sumber makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan semakin mendapat tempat di hati masyarakat.

Perkara itu kita boleh perhatikan setelah lebih 500,000 pengikut di Facebook mengikuti laman Kebun Bandar Jom Tanam Sendiri yang menyediakan platform untuk pekebun bandar berkongsi teknik berkebun di halaman rumah mereka.

Selain itu, kini ramai juga graduan lepasan universiti yang memilih aktiviti pertanian sebagai kerjaya.

Melalui peningkatan ini, negara akan kurang bergantung kepada hasil import pertanian bagi menampung keperluan rakyat, sekali gus meningkatkan taraf ekonomi petani.

Namun, peningkatan aktiviti pertanian ini juga akan meningkatkan penggunaan racun sintetik yang sukar terurai secara semula jadi yang boleh mencemarkan alam sekitar.

Pensyarah Kanan Jabatan Alam Sekitar Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia, Dr. Noor Hafizah Mohd. Pushiri menegaskan, penggunaan racun sintetik ini perlu dikurangkan ke tahap minimum atau tidak digunakan langsung.

Menurutnya, sebaliknya gantikannya dengan alternatif lain seperti racun



NOOR HAFIZAH

Racun yang menyerap masuk ke dalam tanah juga boleh tersebar ke sungai-sungai melalui air dalam tanah dan seterusnya ke laut."

NOOR HAFIZAH

organik atau kawalan biologi.

"Cara penggunaan racun sintetik ini yang rata-ratanya melalui proses semburan akan mengakitkannya tersebar ke kawasan lain melalui udara.

"Racun yang menyerap masuk ke dalam tanah juga boleh tersebar ke sungai-sungai melalui air dalam tanah dan seterusnya ke laut," jelasnya.

Jika penggunaan racun ini tidak dikawal, ia sebenarnya boleh mengakibatkan berlakunya masalah pencemaran alam sekitar.

Sebagai contoh, pada tahun 2015, media melaporkan tentang isu pencemaran sungai Bertam dan sungai Terla di Cameron Highlands, Pahang dengan racun sintetik akibat penggunaan secara haram dan berlebihan oleh petani.

Pada tahun 2013, sekali lagi media melaporkan penggunaan racun sintetik di Cameron Highlands masih tinggi.

Katanya lagi, racun yang tersebar ke tanah akan diserap oleh tumbuhan yang akan dimakan oleh haiwan.

Sebagai contoh, kambing memakan tumbuhan yang diserap dengan racun sintetik tersebut dan kemudiannya haiwan itu dimakan pula oleh manusia.

"Racun tersebut akhirnya boleh terkumpul dalam badan manusia.

"Ibu yang mengandung atau menyusukan anak pula akan menyusukan racun tersebut kepada anaknya," jelasnya.

Begitu juga dengan racun yang tersebar ke sungai dan laut akan menyerap masuk ke dalam hidupan air seperti udang dan ikan, yang akhirnya akan dimakan oleh manusia dan mengakibatkan pengumpulan racun

tersebut dalam badan.

Racun sintetik ini telah dibuktikan boleh mengakibatkan masalah kesihatan kepada manusia, termasuk boleh membawa maut.

Oleh sebab itu, sebahagian racuri yang telah dikenal pasti sebagai toksik seperti dichlorodiphenyltrichloroethane (DD) dan lindane telah diharamkan atau dihadkan penggunaannya.

Kedua-dua toksik itu boleh menyebabkan seseorang itu mengigil-gigil, kekejangan otot, pernafasan tidak terkawal, bahkan membawa maut.

Pada masa ini, saintis berusaha untuk mencari jalan terbaik bagi menghilangkan sisa racun dari alam sekitar.

"Salah satu cara untuk membersihkan racun ini dengan selamat adalah melalui bioremediasi, iaitu proses penguraian bahan pencemar dari persekitaran dengan memanipulasi aktiviti biodegradasi oleh bakteria," terang Noor Hafizah.

Tambahnya namun begitu, proses ini tidaklah mudah dan saintis perlu mengenal pasti kawasan yang tercemar dengan racun, selain memahami bakteria yang boleh menguraikan racun.

Selain itu, mereka juga perlu mengambil kira keberangkakan ada bahan lain dirembeskan oleh bakteria tersebut atau aspek lain muncul daripada proses pembersihan yang mengakibatkan pencemaran baharu kepada persekitaran.

Sudah tentu, masa yang diambil untuk proses ini adalah panjang.